



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**
www.ijemp.com



**KEBERKESANAN MODUL KEUSAHAWANAN SOSIAL
TERHADAP AMALAN KEUSAHAWANAN SOSIAL PELAJAR
UNIVERSITI AWAM DI UNIVERSITI BERFOKUS PENDIDIKAN**

*THE EFFECTIVENESS OF A SOCIAL ENTREPRENEURSHIP MODULE ON
SOCIAL ENTREPRENEURSHIP PRACTICES AMONG PUBLIC UNIVERSITY
STUDENTS IN EDUCATION-FOCUSED UNIVERSITIES*

Nur Izzati Hamid^{1*}, Hariyaty Wahid², Wan Salmuni Wan Mustaffa³

¹ Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nurizzati9293@gmail.com.my

² Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: hariyaty@fpe.upsi.edu.my

³ Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: wansalmuni@fpe.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.10.2024

Revised date: 10.11.2024

Accepted date: 12.12.2024

Published date: 24.12.2024

To cite this document:

Hamid, N. I.M Wahid, H., & Mustaffa, W. S. W. (2024). Keberkesanan Modul Keusahawanan Sosial Terhadap Amalan Keusahawanan Sosial Pelajar Universiti Awam Di Universiti Berfokus Pendidikan. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 7 (28), 312-329.

DOI: 10.35631/IJEMP.728021.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan Modul Keusahawanan Sosial ke atas amalan keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti berfokus pendidikan. Kajian ini merupakan kajian pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk eksperimen kuasi di mana teknik pra ujian-pasca ujian dengan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan diaplikasikan. Bagi kumpulan kawalan, kaedah pengajaran dan pembelajaran secara tradisional dilaksanakan. Bagi kumpulan rawatan pula, kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan Modul Keusahawanan Sosial dilaksanakan. Kajian ini melibatkan seramai 140 orang pelajar yang dipilih sebagai subjek kajian melalui kaedah pensampelan *bertujuan* bagi kumpulan kawalan ($n=112$) dan kumpulan rawatan ($n=128$) yang mengikuti kursus Budaya Keusahawanan bagi sesi 2 2022/2023 di peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti berfokus pendidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min amalan keusahawanan sosial ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan berdasarkan nilai $t(111)$, $p=<0.00$)= 4.232, $p<0.005$. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min amalan keusahawanan sosial ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan berdasarkan nilai $t(127)$, $p=<0.00$)= 18.520, $p<0.005$. Kajian ini membuktikan secara empirikal bahawa

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



keberkesanan penggunaan Modul Keusahawanan Sosial dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan amalan keusahawanan sosial pelajar dari aspek kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran. Oleh yang demikian, penggunaan Modul Keusahawanan Sosial adalah disyorkan dalam pengajaran kursus berkaitan keusahawanan sosial sebagai bahan bantu belajar yang efektif ke arah membentuk amalan keusahawanan sosial pelajar universiti.

Kata Kunci:

Amalan Keusahawanan Sosial, Keberkesanan, Kuasi- Eksperimen, Modul Keusahawanan Sosial, Pelajar Univeristi Awam, Universiti Berfokus Pendidikan

Abstract:

This study aims to determine the effectiveness of using a Social Entrepreneurship Module on social entrepreneurship practices among students in education-focused universities. This research employs a quantitative approach with a quasi-experimental design, applying a pre-test and post-test technique with control and treatment groups. For the control group, traditional teaching and learning methods were implemented. In contrast, the treatment group underwent teaching and learning facilitated by the Social Entrepreneurship Module. A total of 140 students were selected as research subjects using purposive sampling, comprising 112 students in the control group and 128 in the treatment group. These students were enrolled in the Culture of Entrepreneurship course for Semester 2, 2022/2023, at the undergraduate level in education-focused universities. The findings revealed a significant difference in the mean scores of social entrepreneurship practices between the pre-test and post-test for the control group, with $t(111)$, $p<0.00$ $=-4.232$, $p<0.005$. Similarly, the results showed a significant difference in the mean scores for the treatment group, with $t(127)$, $p<0.00$ $=-18.520$, $p<0.005$. The study empirically proves that the effective use of the Social Entrepreneurship Module in teaching and learning enhances students' social entrepreneurship practices in terms of sociality, innovation, and market orientation. Therefore, the use of the Social Entrepreneurship Module is recommended as an effective learning tool in teaching courses related to social entrepreneurship to foster social entrepreneurship practices among university students.

Keywords:

Social Entrepreneurship Practices, Effectiveness, Quasi-Experiment, Social Entrepreneurship Module, Public University Students, Education-Focused Universities

Pendahuluan

Keusahawanan sosial merujuk kepada amalan perniagaan yang bertujuan untuk mencapai impak sosial positif sambil menjana keuntungan ekonomi (Abdul Kahar, 2023). Sehubungan itu, strategi keusahawanan sosial yang mengabungkan prinsip model keusahawanan sosial dan koperasi sebagai model kolaboratif juga dilihat berkecenderungan meningkatkan kemahiran sosial individu belia dalam menghadapi cabaran sosial, memupuk pembangunan masyarakat, dan mempromosikan penyelesaian yang mampan (Abdul Kahar, 2023). Antara kemahiran sosial ialah kerja berpasukan, kepimpinan, komunikasi, dan penyelesaian masalah (Sarif et al., 2013 dalam Abdul Kahar (2023). Amalan keusahawanan sosial menjadikan usahawan

konvensional kepada usahawan sosial adalah bekerja secara kolektif dan melaksanakan penyelesaian inovatif. Usahawan sosial mempunyai kesosialan dan berinovatif dilihat dapat meningkatkan ekonomi komuniti dan memupuk perubahan sosial yang positif (Li C., 2010 dalam Abdul Kahar (2023). Zaihana dan Shuhairimi (2021) juga berpendapat bahawa bidang ini dianggap sebagai elemen pelengkap, bukan hanya alternatif. Hal ini kerana matlamat keusahawanan sosial ini dilihat berpotensi dalam aspek ekonomi dan sosial berbanding dengan keusahawanan konvensional.

Keusahawanan sosial juga dikenali sebagai aktiviti melibatkan masyarakat yang inovatif yang dikendalikan oleh sesebuah kumpulan organisasi yang mempunyai objektif sosial (Dees dan Anderson, 2003; Emerson & Twersky, 1996). Keusahawanan sosial ini juga kebiasaannya dilakukan oleh badan-badan korporat yang sememangnya stabil dan berkemampuan melaksanakan aktiviti sosial (Austin et al., 2004). Oleh itu, tujuan utama aktiviti sosial ini dilakukan agar dapat menyelesaikan masalah sosial masyarakat (Dees dan Anderson, 2003; Emerson dan Twersky, 1996; Austin et al., 2004). Aktiviti keusahawanan sosial ini dianggap relevan diamalkan oleh organisasi atau badan-badan korporat yang kerana penggabungannya antara misi sosial dapat mempamerkan perniagaan yang berdisiplin, inovasi dan penemuan keputusan yang baru dalam perniagaan (Hajar dan Aafifah, 2022). Oleh itu, masalah sosial dapat ditangani dengan menggunakan pendekatan keusahawanan sosial.

Keusahawanan sosial juga dilihat dapat menangani cabaran sosial, termasuk pengangguran belia, kemerosotan alam sekitar, dan kesejahteraan Masyarakat (Farok 2011 dalam Abdul Kahar (2023). Hajar dan Aafifah (2022), berpendapat bahawa penggunaan aspek *3P's* iaitu *Planet, People and Profit's* sesuai dipalikesikan dan menjadi keperluan perniagaan dunia masa kini yang mana mampu mengatasi masalah sosial dengan memperkenalkan kaedah menanganinya dengan cara yang mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua pihak. Menurut Abdul Kahar (2023), golongan belia adalah aset negara yang mampu membawa perubahan dalam perkembangan ekonomi negara dan perlu dilengkapi dengan elemen keusahawanan sosial yang dapat menjadikannya sebagai penyelesaian masalah sosial secara kolaboratif dan mampan. Oleh yang demikian golongan belia khususnya pelajar menerusi pendidikan perlu diterapkan kemahiran keusahawanan sosial supaya dapat meningkatkan employability graduan yang menjadi penyelesaian kepada isu pengangguran dalam kalangan graduan selepas tamat pengajian.

Mutakhir ini, isu kebolehpasaran graduan sering menjadi topik diskusi pelbagai pihak terutama di peringkat pengajian tinggi dan industri (Mustapa dan Ali, 2024). Kebolehpasaran graduan merujuk kepada kemahiran yang diperlukan oleh graduan untuk mendapatkan pekerjaan melalui pembelajaran kemahiran-kemahiran baru yang diperlukan oleh majikan atau industri (Koo et al., 2009; Shafie dan Nayan, 2010; Yusof et al., 2013 dalam Azyani et al., (2019). Menurut Noor Indon dan Akma (2022) kemahiran kebolehpasaran diperlukan oleh majikan apabila graduan diberi peluang untuk bekerja dalam organisasi mereka. Menurutnya lagi, kemahiran kebolehpasaran ini dilihat sebagai nilai tambah kepada setiap graduan supaya mereka lebih berdaya saing dalam pasaran tenaga kerja. Antaranya adalah dari aspek sikap, tingkah laku, personaliti, cara berkomunikasi, kemahiran membuat keputusan, kemahiran menyelesaikan masalah, dan juga cara mengurus organisasi (Enah et al., 2018 dalam Noor Indon dan Akma (2022). Tamsilnya, kebolehpasaran graduan ditentukan berdasarkan kualiti graduan.

Selain itu, kebolehpasaran graduan turut berkait rapat dengan kemampuan pihak kerajaan dan swasta dalam menyediakan peluang pekerjaan pada masa hadapan (Norliana et al., 2016 dalam Firdaus et al., (2023). Kebolehpasaran graduan dilihat dapat memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi permintaan pasaran buruh kerajaan dan sektor pendidikan (Small et al., 2018; Firdaus et al., (2023). Hal ini dapat dilihat bahawa kebolehpasaran graduan dari perspektif majikan adalah berdasarkan kesediaan graduan itu sendiri dari sudut kemahiran-kemahiran kebolehkkerjaan yang dimiliki.

Graduan yang merupakan modal insan yang berharga untuk negara (Noor Malinjasari et al., 2023) perlu menampilkan sahsian diri dan pencapaian akademik yang selari (Noor Malinjasari et al., 2023; Azmi et al., 2018; Olaniyan dan Okemakinda, 2008). Sebagai modal insan, graduan dan bakal graduan perlu memiliki pendidikan yang melayakkan mereka untuk bekerja, latihan bagi kemahiran tertentu, kecerdasan, kemahiran kerja, kesihatan, dan pelbagai kriteria lain yang diperlukan oleh majikan seperti kesetiaan dan kemahiran pengurusan masa (Mustapa dan Ali, 2024). Bagi menzahirkan modal insna yang seimbang, tidak dapat dinafikan bahawa kualiti tenaga pendidik di peringkat pengajian tinggi, kompetensi mereka, kurikulum yang disediakan oleh universiti dan faktor penerimaan majikan memainkan peranan penting (Ali, 2024).

Wafi et al., (2022) menegaskan bahawa kemahiran keusahawanan sosial perlu diajar di pelbagai peringkat akademik sama ada ijazah ataupun diploma. Kemahiran keusahawanan sosial adalah penting bagi membentuk modal sosial yang akan membantu kerajaan dan negara membasmi isu sosial yang kian menular, antaranya kemiskinan, pengangguran, kesihatan, alam sekitar dan ekonomi (SEMy2030). Perkara ini dapat diselesaikan menerusi gerak kerja keusahawanan sosial yang didapati memainkan peranan utama dalam masyarakat ekoran kemampuannya membawa perubahan kepada sosial dan alam sekitar (Dasar Kusahawanan Negara, 2030).

Di Malaysia, universiti tempatan telah mula memberi perhatian dan penekanan keusahawanan sosial kepada warganya sebagaimana yang disarankan oleh Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi 2016-2025. Strategi ke Sembilan dan pelan tersebut menggalakkan program keusahawanan sosial yang berasaskan perniagaan yang memanfaatkan pelajar, industri dan masyarakat (Alifa et al., 2023).

Usaha ini adalah relevan dan tepat dalam mendepani cabaran baharu dan masa hadapan yang tidak menentu. Hal ini disebabkan oleh perubahan landskap sosial dan ekonomi yang tidak menentu yang memperlihatkan ramai yang terumbang-ambing dalam menghadapi cabaran sosial dalam kehidupan. Oleh yang demikian, adalah perlu usaha gigih digatkan ke arah mebudayakan pemikiran keusahawanan sosial yang mampu mengenal pasti peluang membantu masyarakat dengan pendekatan keusahawanna (Hariyaty et al., 2023).

Oleh yang demikian, usaha ke arah mempergiatkan pemupukan pemikiran dan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan usahawan siswazah perlu dilipatgandakan agar dapat melahirkan 'barisan hadapan' atau pemain utama yang akan menyumbang secara langsung dalam merealisasikan DKN 2030.

IPT perlu membuka peluang seluas-luasnya kepada pelajar khususnya di universiti tempatan supaya mereka dapat mengusahakan projek-projek keusahawanan sosial bagi membentuk baakal usahawan sosial yang berketerampilan. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) disaran untuk berkolaboratif dalam menjayakan visi tersebut agar dapat membimbing para pelajar menjadi usahawan sosial. IPT juga dapat dijadikan rujukan utama dalam menjalankan dan memperkukuhkan program-program bercorak keusahawanan sosial dalam usaha untuk menghasilkan lebih ramai siswazah yang tidak bergantung kepada makan gaji semata-mata (Afandi dan Azizan, 2024). Dengan penceburan pelajar dalam projek keusahawanan soisal diharapkan agar mereka jelas akan matlamat sosial yang ditumpukan serta dapat mempelajari kemahiran yang pelbagai menerusi kerjasama pelbagai pihak. Pendidikan keusahawanan sosial sebegini mampu menjulang program pendidikan di IPT dan pada masa yang sma mengurangkan kebergantungan pelajar terhadap kejaya makan gaji (Christoper, 2023). Antara inisiatif yang disarankan kepada penyedia pendidikan adalah usaha membangunkan modul keusahawanan sosial sebagai sebahagian daripada kurikulum dan kokurikulum pendidikan di peringkat menengah dan pengajian tinggi (SEMy2030). Pembangunan modul keusahawanan sosial yang bertepatan diharapkan dapat menggalakkan penerapan elemen keusahawanan sosial dalam kurikulum dan kokurikulum di peringkat menengah dan pengajian tinggi (Zainal et al., 2023).

Kajian Literatur

Malaysia perlu membangunkan dan menggiatkan sektor keusahawanan sosial kerana ia merupakan hala tuju baharu untuk mengarus perdana perusahaan sosial serta menormalisasikan impak sosial (SEMy2030). Bagi menyahut seruan tersebut, Institusi Pengajian Tinggi di seluruh negara perlu menerapkan ciri, nilai, semangat dan kegiatan keusahawanan sosial ke arah membentuk generasi usahawan sosial berpendidikan tinggi untuk negara. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) disaran menyediakan latihan kemahiran untuk menyediakan graduan dengan pengetahuan serta kemahiran ekonomi berasaskan pengetahuan, pemikiran kreatif dan program keusahawanan dengan impak sosial (Hariyaty et al., 2019). Seiring dengan tuntutan tersebut, pendidikan keusahawanan sosial di universiti dilihat perlu bagi melengkapi pelajar untuk memahami ekonomi baru dan bertindak balas dengan cepat kepada krisis ekonomi; selain mengetengahkan fungsi perniagaan dan organisasi lain terhadap peranan menyelesaikan masalah sosial dan persekitaran (Garcia-Gonzalez dan Ramirez-Montoya 2021; SEMy2030).

Namun, apa yang menyedihkan mutakhir ini adalah terdapat keengganan pelajar IPT menyertai program-program bercorak kemasyarakatan (rujukan). Keterlibatan pelajar di peringkat universiti dalam platform kemasyarakatan adalah masih rendah dan hanya sekitar 33 peratus pelajar sahaja yang tahu mengenai keusahawanan sosial (Andriyansah dan Femilia 2017, Hasnuddin et al., (2018). Golongan muda dalam era milenial lebih cenderung untuk mengutamakan diri sendiri, berbanding dengan kebajikan individu atau aspek lain dalam masyarakat (Naderi dan Van Steenburg 2018; Amree Ahmad (2020). Golongan muda yang berpendidikan tinggi dan mahasiswa di universiti seharusnya memiliki sikap altruisme yang tidak mementingkan diri sendiri malah peka terhadap keperluan membantu orang lain dalam masyarakat (Hadijah et al., (2022).

Menyedari akan hal tersebut, penglibatan universiti awam dalam memberi aspirasi terhadap niat keusahawanan sosial ke atas pelajar perlu digiatkan agar dapat menyumbang kepada inovasi sosial menerusi pendekatan keusahawanan (Carlos et al., (2019). Sehubungan itu, program-program latihan di universiti perlu berfokus kepada memupuk kesedaran pelajar terhadap kemaslahatan sosial di samping mengupayakan mereka menceburi sektor perniagaan yang bukan berorientasikan keuntungan bagi membantu menyelesaikan masalah masyarakat perlu terus digiatkan (Garcia-Gonzalez dan Ramirez- Montoya, 2021). Usaha menerapkan

keusahawanan sosial kepada pelajar universiti adalah penting dilaksanakan ke arah melahirkan graduan yang berdaya tahan, altruistik, inovatif, holistik, seimbang dan peka terhadap kemaslahatan komuniti (Hariyaty et al. 2016; Kementerian Pendidikan Tinggi 2016; Wahid, Hussain dan Ayob, 2018). Beberapa pengkaji bidang keusahawanan mendapati bahawa keusahawanan sosial berupaya menyumbang kepada lebih 30 peratus perubahan varians dalam dalam tahan dan daya saing sebahagian pelajar IPT yang menyertai program bercorak keusahawanan sosial di Malaysia (Radin Siti Aishah et al., 2016; Hariyaty et al., 2016; Wahid et al., (2018).

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai institusi tersohor yang berfokus kepada pendidikan merupakan platform yang tepat bagi menzahirkan lebih ramai guru-guru yang memiliki nilai dan semangat keusahawanna sosial (Habidin et al., 2019). Hal ini adalah seiring matlamat Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 yang menyarankan pemupukan semangat dan nilai keusahawanan sosial melalui pendidikan (SEMy2030). Di sini, Universiti Berfokus Pendidikan perlu dijadikan pemangkin kepada usaha membudayakan pemikiran keusahawanan sosial dalam kalangan warganya. Perkara ini adalah dijelaskan dalam salah satu daripada 20 strategi SEMy2030 yang menggalakkan pemupukan semangat dan nilai keusahawanna sosial melalui pendidikan (Kementerian Pembangunan Usahwan dan Koperasi, 2022).

Kekurangan pengetahuan dan kepakaran dalam membangunkan model perniagaan yang mampan diakui sebagai punca utama yang menjadikan kebanyakan perusahaan sosial tanahair tidak berupaya untuk bertahan. Keadaan ini menuntut kepada pendidikan yang bersesuaian untuk disampaikan disegenap lapisan pendidikan termasuk di sekolah. Guru-guru bakal menjadi pendidik keusahawanan sosial yang akan merealisasikan hasrat mmembudayakan keusahawanan sosial di sekolah (SEMy2030). Penerokaan aspek altruisme dalam tingkah laku membantu dalam kalangan golongan muda, terutama mahasiswa universiti perlu diberikan perhatian (Juliana et al., 2022).

Bagi melancarkan usaha murni tersebut, pendidik bidang keusahawanan memerlukan modul pendidikan keusahawanan sosial yang tepat sebagai rujukan pengajaran dan pembelajaran untuk membangunkan tekad keusahawanan sosial pelajar di universiti, yang membolehkan mereka mengubah landskap masyarakat dan mensejahterakannya. Namun, kajian empirikal berkaitan pembangunan modul keusahawanan sosial khususnya dalam konteks pendidikan di universiti masih lagi kekurangan (Suraiya dan Ahmad Rafflis 2015; Radin Siti Aishah et al., 2016, Hariyaty et al., 2018). Perkara ini turut disokong oleh beberapa pengkaji bidang tersebut yang sependapat bahawa meskipun minat terhadap penyelidikan berkaitan bidang keusahawanan sosial ini semakin meningkat, namun bidang ini masih belum cukup cemerlang dengan kajian fundamental yang empirikal (Sommerrock 2010; Katono 2011; Wahid et al., 2018). Malahan, isu-isu sosial dan data yang ada berkaitan fenomena keusahawanan sosial mutakhir ini juga didapati begitu terbatas kepada kajian kes, serta analisis instrumen ke atas kecekapan dan amalan operasi perusahaan sosial yang menajdikan bahan rujukannya begitu terhad (Perrini et al., 2010; Barton et al., 2018).

Dalam menjayakan pendidikan keusahawanan sosial, Norasmah dan Hariyaty (2014) serta Abu Hanifah (2017) mengesyorkan agar penggunaan modul sebagai bahan bantu mengajar yang efektif untuk dimanfaatkan oleh tenaga pengajar dan juga pelajar. Modul boleh dianggap sebagai unit-unit media dalam satu rancangan mengajar bagi memudahkan pemahaman pelajar

dan ia juga merupakan satu unit pengajaran dan pembelajaran yang mampu membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik serta berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian untuk menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat (Sidek dan Jamaludin 2005; Wahid et al., 2018). Beberapa pengkaji pendidikan keusahawanan sosial turut menyimpulkan bahawa antara pengetahuan dan kemahiran asas berkaitan keusahawanan sosial yang relevan untuk dimuatkan dalam silibus pendidikan keusahawanan menerusi modul, buku teks, atau bahan rujukan ialah kemahiran mengenal pasti idea dan peluang keusahawanan sosial, kesosialan, inovasi sosial dan orientasi pasaran (Radin Siti Aishah et al. 2016; Shahrilzaily 2017; Hariyaty et al., 2018).

Kajian berkaitan bahan bantu mengajar yang efektif bagi menyampaikan kursus Keusahawanan Sosial di IPTA perlu dipergiatkan. Antara usaha awal yang boleh dijalankan ialah dengan membangunkan modul berkaitan pendidikan Keusahawanan Sosial. Cabaran-cabaran semasa berkaitan keusahawanan sosial yang membawa impak kepada proses membuat keputusan, keseimbangan antara objektif komersial dan sosial, dan nilai serta tindakan usahawan sosial perlu dikaji dan dimuatkan (Marwan, 2015). Hal ini untuk memastikan kesesuaian silibus dan kandungan di dalam kursus akademik keusahawanan sosial adalah relevan mengikut arus semasa.

Justeru, kajian ini berhasrat untuk menguji keberkesanan Modul Keusahawanan Sosial khusus untuk pelajar universiti awam bagi membina keazaman yang kuat untuk mempelajari kemahiran keusahawanan sosial dengan tujuan mensejahterakan masyarakat. Dapatan kajian ini diharap dapat menyediakan rujukan dan bahan pengajaran yang praktikal serta memberi nilai tambah kepada PdPC keusahawanan sosial dalam konteks pelajar universiti awam di Malaysia. Modul Pendidikan Keusahawanan Sosial yang sesuai untuk pelajar universiti awam Malaysia yang bakal dihasilkan diharap dapat menyediakan panduan yang praktikal kepada pihak pengurusan universiti awam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Keusahawanan di setiap universiti awam, Yayasan ENACTUS Malaysia dan pensyarah keusahawanan bagi membangunkan potensi usahawan sosial untuk negara.

Persoalan Kajian

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min amalan keusahawanan sosial (kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran) pra dan pasca dalam amalan keusahawanan sosial bagi kumpulan rawatan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min amalan keusahawanan sosial (kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran) pra dan pasca dalam amalan keusahawanan sosial bagi kumpulan kawalan?

Objektif Kajian

- i. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan keusahawanan sosial (kesosialan, inovasi, dan orientasi pasaran) dalam ujian pra dan ujian pasca pelajar bagi kumpulan kawalan.
- ii. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan keusahawanan sosial (kesosialan, inovasi, dan orientasi pasaran) dalam ujian pra dan ujian pasca pelajar bagi kumpulan rawatan.

Merujuk kepada objektif yang dinyatakan, kajian ini adalah melihat keberkesanan penggunaan Modul Keusahawanan Sosial terhadap amalan keusahawanan sosial berbanding kaedah konvensional untuk menerapkan kemahiran keusahawanan sosial pelajar universiti awam di universiti berfokus pendidikan. Penemuan ini akan menyumbang kepada pembangunan amalan dan dasar berasaskan bukti di institusi pengajian tinggi khususnya universiti berfokus pendidikan untuk mengoptimumkan strategi pengajaran dan meningkatkan hasil pendidikan.


Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini dibentuk untuk menguji hubungan dan perbezaan yang signifikan antara modul keusahawanan sosial dan amalan keusahawanan sosial di kalangan mahasiswa.

H_{a1} : Terdapat perbezaan yang signifikan min amalan keusahawanan sosial (kesosialan, inovasi, dan orientasi pasaran) pra dan pasca dalam amalan keusahawanan sosial bagi kumpulan rawatan.

H_{a2} : Terdapat perbezaan yang signifikan min amalan keusahawanan sosial (kesosialan, inovasi, dan orientasi pasaran) pra dan pasca dalam amalan keusahawanan sosial bagi kumpulan kawalan.

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian (Diadaptasi dan diubahsuai daripada Model Dimensi Keusahawanan Sosial Nicholls dan Cho (2008))

Kerangka konseptual kajian ini dibangunkan berdasarkan model dimensi keusahawanan sosial yang diusulkan oleh Nicholls dan Cho (2008). Model ini menyediakan struktur untuk memahami hubungan antara modul keusahawanan sosial, amalan keusahawanan sosial, dan altruisme di kalangan mahasiswa di universiti berfokus pendidikan. Dalam kerangka ini, modul keusahawanan sosial berfungsi sebagai intervensi utama yang diharapkan dapat meningkatkan

amalan keusahawanan sosial, yang terdiri daripada dimensi kesosialan, inovasi, dan orientasi pasaran. Kesosialan merujuk kepada keterlibatan dan sumbangan terhadap masyarakat, inovasi melibatkan penciptaan dan pelaksanaan idea baru untuk menangani masalah sosial, manakala orientasi pasaran menilai pendekatan strategik dalam memenuhi keperluan pasaran sosial. Peningkatan dalam amalan keusahawanan sosial, seterusnya, dijangka akan mempengaruhi sikap altruistik pelajar, termasuk sukarela, keinginan untuk memberi, dan suka menolong. Kerangka ini menggambarkan bahawa modul keusahawanan sosial mempengaruhi amalan keusahawanan sosial, yang kemudian mempengaruhi altruisme. Dengan demikian, kerangka ini membantu dalam menganalisis dan memahami bagaimana modul keusahawanan sosial dapat mempengaruhi sikap altruistik melalui peningkatan dalam amalan keusahawanan sosial di kalangan mahasiswa. Kerangka konseptual ini sesuai dalam kajian ini kerana ia secara sistematik menggambarkan hubungan antara modul keusahawanan sosial, amalan keusahawanan sosial, di kalangan mahasiswa, yang merupakan fokus utama kajian.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana pendekatan kajian yang digunakan dapat menghasilkan dapatan kajian yang realistik dan menerangkan kejadian secara statistik. Penyelidikan kuantitatif adalah suatu penyelidikan yang sesuai digunakan bagi menerangkan sesuatu fenomena berdasarkan suatu koleksi data bernombor yang dianalisis menggunakan kaedah statistik (Aliaga dan Gunderson, 2000).

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian eksperimen. Kaedah eksperimen yang dipilih adalah untuk mengenal pasti kesan yang berlaku terhadap pemboleh ubah bersandar daripada memanipulasi pemboleh ubah. Thomas (2021) juga menyarankan penggunaan kaedah eksperimen ini kerana ia merupakan salah satu kaedah yang efektif untuk mewujudkan hubungan di antara sebab dan akibat. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk eksperimen kuasi teknik pra ujian-pasca ujian dengan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Menurut Campbell et al., (2015), pendekatan reka bentuk eksperimen kuasi teknik pra ujian-pasca ujian dengan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah reka bentuk yang sesuai untuk diaplikasikan ke atas kajian yang ingin melihat sesuatu intervensi. Oleh itu, penyelidikan kajian ini dijalankan dengan melibatkan dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan akan didedahkan dengan kaedah pengajaran menggunakan Modul Keusahawanan Sosial. Manakala, kumpulan kawalan pula hanya menggunakan kaedah pengajaran secara kuliah.

Responden Kajian

Populasi kajian ini adalah mahasiswa di Universiti Awam di Malaysia. Oleh itu, penyelidik membuat pemilihan universiti dengan memilih universiti yang mengkhususkan pendidikan dalam pelbagai bidang pengajian. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dipilih oleh penyelidik kerana ia merupakan salah satu universiti yang memberi pengkhususan kepada pendidikan serta menawarkan bidang pengajian yang lebih banyak dalam sektor pendidikan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2022). Populasi dalam kajian ini memilih para pelajar sesi 2 2022/2023 di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti kursus Budaya Keusahawanan di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Di mana jumlah keseluruhan pelajar merangkumi 10 kelas Budaya Keusahawanan.

Justeru itu, kaedah persampelan rawak dilaksanakan untuk penyelidik memilih sampel yang telah ditentukan ciri- cirinya. Setelah kaedah persampelan rawak telah dijalankan, dua daripada 10 kelas Budaya Keusahawanan dipilih oleh penyelidik dengan mengaplikasikan teknik persampelan *bertujuan* untuk dijadikan sampel kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan kajian. Menurut Abdullah Hassan (2013), menjelaskan bahawa persampelan *bertujuan* sesuai digunakan dalam sesuatu reka bnetuk kajian berasaskan kaedah eksperimen. Tambahan pula, persampelan *bertujuan* dapat mengekalkan sekumpulan pelajar di dalam kelas yang sama untuk memudahkan kawalan dan latihan pelajar tanpa perlu mengubah kedudukan kelas yang asal dan dikekalkan sebagai sampel kajian mengikut kelas masing-masing. Bilangan sampel kajian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah seramai 128 dan 112 orang pelajar. Menurut James McMilan (2010), saiz sampel dalam kajian kuasi eksperimen minimum 30 orang bagi setiap kumpulan eksperimen.

Justeru itu, jumlah pelajar yang dikategorikan dalam kumpulan eksperimen adalah tidak sama kerana jumlah pelajar yang didaftarkan dalam satu-satu kelas tersebut adalah berbeza dan jumlah tersebut telah melepasi syarat bagi pembukaan satu kelas. Oleh yang demikian, penyelidik mengambil jumlah keseluruhan bagi satu kelas yang dipilih dan tidak mengecualikan penglibatan pelajar dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan dua buah kelas Budaya Keusahawanan yang terdiri daripada kumpulan UPU3222 H dan kumpulan UPU3222 J yang dipilih secara persampelan *bertujuan* yang mana masing-masing di kategorikan kepada kumpulan rawatan dan kumpiulan kawalan. Kumpulan rawatan menerima pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan Modul Keusahawanan Sosial dan melakukan aktiviti kumpulan. Manakala kumpulan kawalan menerima pembelajaran secara kuliah di bawah tajuk keusahawanan sosial tetapi tanpa aktiviti kumpulan. Penyelidik hanya berupaya menggunakan subjek yang terdidi daripada pelajar dalam sesuatu kelas tanpa mengganggu atau menyusun semula kedudukan pelajar dalam kelas berkenaan.

Instrumen

Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengukur tahap amalan keusahawann sosial dan altruisme dalam kalangan pelajar. Menurut Azizi Yahya (2007), penggunaan soal selidik adalah lebih praktikal dan efektif bagi kajian yang berbentuk kuantitatif. Oleh itu, kajian ini menggunakan soal selidik yang mana item bagi konstruk amalan keusahawanan sosial diadaptasi daripada Model Dimensi Keusahawanan Sosial daripada penyelidik Nicholls dan Cho (2008) dan Hariyaty (2014) dalam kajiannya iaitu amalan keusahawanan sosial termasuk elemen inovasi, kesosialan dan orientasi pasaran. Manakala, item bagi konstruk altruisme diadaptasi daripada Kaya et al., (2021) dalam kajiannya mengkaji tentang sikap altrusime dalam kalangan pelajar. Sebelum instrumen soal selidik ini dilaksanakan kepada sampel kajian, kajian rintis dijalankan untuk menguji kesahan item dan kebolehpercayaan instrumen. Dapatan hasil kajian rintis menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah tinggi bagi konstruk amalan keusahawanan sosial iaitu 0.92 yang melebihi $\alpha = 0.50$.

Prosedur

Sebelum eksperimen dijalankan, kedua-dua kumpulan subjek pelajar ini diminta menjawab soal selidik yang telah diedarkan bagi mengukur keputusan tahap amalan keusahawanan sosial dan altruisme sedia ada pelajar. Setelah semua subjek pelajar bagi kedua-dua kumpulan selesai menjawab soal selidik, maka sesi intervensi dijalankan. Intervensi ini hanya diberikan kepada subjek pelajar yang terlibat dalam kumpulan rawatan iaitu memberi pendedahan terhadap kaedah pengajaran menggunakan Modul Keusahawanan Sosial selama 6 minggu oleh seorang

pensyarah. Bagi subjek pelajar dalam kumpulan kawalan, tiada rawatan (intervensi) yang diberikan. Hal ini bermakna, subjek pelajar dalam kumpulan kawalan ini meneruskan pembelajaran seperti biasa iaitu mengikuti kaedah kuliah di dalam kelas berkaitan amalan keusahawanan sosial dan altruisme oleh pensyarah yang sama dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran menggunakan Modul Keusahawanan Sosial kepada kumpulan rawatan. Setelah sesi intervensi selesai dijalankan iaitu selama 6 minggu, penyelidik meminta pensyarah yang mengajar pelajar bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan memberikan ujian pasca yang telah disediakan oleh penyelidik.

Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0. Dua jenis analisis dijalankan iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Sebelum analisis data dilakukan, ujian normaliti perlu dilaksanakan terlebih dahulu untuk memastikan data yang diperoleh bertaburan normal. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menggambarkan data kajian yang mencakupi jumlah data, nilai maksima, nilai minima, nilai min dan sebagainya (Mohmed (2021). Ujian normaliti akan dijalankan untuk menentukan kenormalan data. Ujian normaliti secara statistik pencongan (*skewness*) dan (*kutosis*) akan digunakan untuk menentukan normaliti bagi membolehkan data diuji menggunakan statistik parametrik. Data tertebur secara normal jika nilai kepencongan dan keruncingan masing-masing berada dalam julat ± 1.0 dan ± 2.0 (Pallant 2005). Menurut Chua (2009), sekiranya bilangan sampel kajian melebihi 30 responden, data dianggap bertaburan normal serta memenuhi syarat normaliti untuk menggunakan ujian-t. Dalam statistik Inferensi ini, kajian ini melaksanakan ujian-t sampel berpasangan bagi menjawab persoalan kajian pertama, kedua, ketiga dan keempat. Dalam kajian ini pelaksanaan ujian-t sampel berpasangan adalah ujian jenis parameterik (Singh et al., 2009).

Keberkesanan Modul Keushawanan Sosial Terhadap Amalan Keusahawanan Sosial Pelajar Universiti Awam di Universiti Berfokus Pendidikan

Dapatan Kajian

Objektif utama kajian ini adalah mengenalpasti keberkesanan Modul Keusahawanan Sosial terhadap amalan keusahawanan sosial pelajar universiti di universiti berfokus pendidikan. Oleh itu, prosedur penganalisan data dilakukan, statistik deskriptif dijalankan bagi melihat kesignifikan nilai min, sisihan piawai, nilai minimum, nilai maksimum bagi ujian pra dan ujian pasca pelajar universiti.

Jadual 1 : Analisis Ujian-t Berpasangan Terhadap Amalan Keusahawanan Sosial Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan

Kumpulan Rawatan	Min	Sisihan Piawai t	df	Signifikan
Ujian Pra	2.477	0.754	-18.520	127
Ujian Pasca	3.910	0.523		<0.001

*Nilai signifikan $p < 0.05$

Jadual 1 menunjukkan analisis Ujian-t berpasangan telah digunakan bagi menentukan perbezaan min amalan keusahawanan sosial ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan iaitu sebelum dan selepas pelaksanaan modul eksperimen dalam pembelajaran mereka. Jadual 1 menunjukkan skor min amalan keusahawanan sosial pelajar meningkat 1.433 iaitu daripada

2.477 dalam ujian pra kepada 3.910 dalam ujian pasca. Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan keusahawanan sosial pelajar kumpulan rawatan meningkat daripada tahap sederhana (skor min antara 2.34 hingga 3.67) ke tahap tinggi (skor min antara 3.68 hingga 5.00). Hasil analisis Ujian-t berpasangan mendapati nilai $t(127) = -18.520$, nilai $p = <0.001 < \alpha 0.05$. Ini bermaksud hipotesis H_{a1} diterima. Dapatan analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min amalan keusahawanan sosial (kesosialan, inovasi, dan orientasi pasaran) ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan.

Jadual 2 : Analisis Ujian-t Berpasangan Terhadap Amalan Keusahawanan Sosial Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan

Kumpulan Rawatan	Min	Sisihan Piawai	t	df	Signifikan
Ujian Pra	2.7476	0.714	-4.232	111	0.000
Ujian Pasca	3.0762	0.765			

*Nilai signifikan $p < 0.05$

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis Ujian-t berpasangan telah digunakan bagi menentukan perbezaan min amalan keusahawanan sosial ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan iaitu sebelum dan selepas pelaksanaan modul eksperimen dalam pembelajaran mereka. Jadual 4.2 menunjukkan skor min amalan keusahawanan sosial pelajar meningkat 0.3286 iaitu daripada 2.7476 dalam ujian pra kepada 3.0762 dalam ujian pasca. Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan keusahawanan sosial pelajar kumpulan kawalan meningkat daripada tahap sederhana (skor min antara 2.34 hingga 3.67) ke tahap tinggi (skor min antara 3.68 hingga 5.00). Hasil analisis Ujian-t berpasangan mendapati nilai $t(111) = -4.232$, nilai $p = 0.000 < \alpha 0.05$. Ini bermaksud hipotesis H_{a2} diterima. Dapatan analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min amalan keusahawanan sosial (kesosialan, inovasi, dan orientasi pasaran) ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan.

Kesimpulan Dan Cadangan

Kajian ini dijalankan bagi menguji keberkesanan pengajaran menggunakan Modul Keusahawanan Sosial terhadap pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda sesi 2 2022/2023 yang mengikuti kursus Budaya Keusahawanan di UPSI.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa analisis Ujian-t berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan keusahawanan sosial pra dan pasca dalam praktis keusahawanan sosial bagi kumpulan rawatan di mana perbezaan skor min adalah lebih tinggi berbanding dengan perbezaan skor min bagi kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan Modul Keusahawanan Sosial dapat meningkatkan amalan keusahawanan sosial dalam praktis keusahawanan sosial pelajar dengan lebih signifikan berbanding dengan kaedah tradisional.

Kajian ini memberi bukti empirikal mengenai keberkesanan modul keusahawanan sosial yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi. Dengan menyediakan data yang kukuh, kajian ini dapat membantu institusi pendidikan dalam memperbaiki dan mengembangkan kurikulum keusahawanan sosial agar lebih efektif. Kajian ini turut menilai impak modul keusahawanan sosial terhadap pengembangan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar. Melalui penglibatan dalam modul ini, pelajar dapat menerapkan kemahiran kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran sebagai penyelesaian kepada masalah sosial yang ditangani oleh

usahawanan sosial. Kajian ini juga berperanan sebagai panduan berguna kepada pembuat dasar dan pengurus program dalam merancang dan melaksanakan inisiatif pendidikan. Dengan menyediakan maklumat yang tepat dan relevan, kajian ini dapat membantu dalam merumuskan dasar yang menyokong integrasi keusahawanan sosial dalam pendidikan tinggi. Pembuat dasar boleh menggunakan hasil kajian ini untuk menyusun strategi yang berkesan bagi memperkukuh modul keusahawanan sosial di peringkat universiti, dengan matlamat melahirkan graduan yang kompeten dan beretika (Kaya et al., 2021). Di samping itu, kajian ini juga boleh memberi impak terhadap cara pembuat dasar menilai keberkesanan program-program pendidikan sedia ada. Seterusnya, kajian ini menyumbang kepada peningkatan pengetahuan dalam bidang keusahawanan sosial, terutamanya dalam konteks pendidikan tinggi. Dengan menambah perspektif baru dan menyediakan data terkini, kajian ini memberi ruang kepada penyelidik lain untuk membina teori dan model yang lebih relevan dengan situasi semasa. Selain itu, kajian ini juga berfungsi sebagai asas untuk penyelidikan lanjut yang boleh memperkayakan lagi literatur akademik dalam bidang keusahawanan sosial (Nicholls & Cho, 2008). Peningkatan pengetahuan ini juga boleh digunakan untuk menyokong pendidikan yang lebih holistik dan berorientasikan masyarakat. Akhir sekali, kajian ini menyediakan maklumat praktikal yang sangat berguna kepada institusi pengajian tinggi dalam menilai dan menambah baik program keusahawanan sosial mereka. Institusi dapat menggunakan hasil kajian ini untuk memastikan bahawa program yang ditawarkan memberikan manfaat yang optimum kepada pelajar. Ini termasuk memastikan pelajar bukan sahaja mendapat pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan sosial tetapi juga terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang memupuk sikap altruistik (Hariyaty, 2014). Dengan maklumat ini, institusi pengajian tinggi boleh melakukan penyesuaian yang diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan modul keusahawanan sosial yang ditawarkan.

Kajian ini dijalankan untuk menguji keberkesanan modul keusahawanan sosial terhadap amalan keusahawanan sosial dan altruisme pelajar di universiti. Namun, terdapat beberapa batasan yang perlu diambil kira dalam menilai hasil kajian ini. Kajian ini hanya menilai keberkesanan modul keusahawanan sosial tanpa melibatkan fasa awal pembinaan modul itu sendiri. Hal ini bermakna kajian ini tidak mencakup aspek kualitatif atau proses pembangunan modul yang lebih mendalam. Dengan kata lain, kajian ini lebih tertumpu kepada hasil akhir dan kurang meneliti bagaimana modul tersebut dibangunkan, diuji, dan disesuaikan mengikut keperluan pelajar serta konteks pengajaran (Fraenkel & Wallen, 2012). Oleh itu, sebarang penemuan yang berkaitan dengan keberkesanan modul perlu ditafsirkan dengan berhati-hati, kerana ia mungkin tidak menggambarkan keseluruhan proses yang terlibat dalam pembangunan modul. Kajian ini menggunakan kaedah kuasi eksperimen untuk menilai keberkesanan modul keusahawanan sosial. Dalam kajian ini, responden dibahagikan kepada kumpulan rawatan yang menerima modul dan kumpulan kawalan yang tidak menerima modul. Walaupun pembahagian ini adalah penting untuk menilai keberkesanan modul, terdapat faktor luaran yang boleh mempengaruhi hasil eksperimen. Faktor seperti perbezaan jantina, umur, latar belakang, pengalaman lepas, dan pengaruh persekitaran boleh menyebabkan ketidakpastian sama ada perubahan yang diperhatikan dalam kumpulan rawatan adalah akibat langsung dari modul atau dipengaruhi oleh faktor luaran yang tidak dapat dikawal sepenuhnya (McMillan, 2010). Kajian ini menggunakan reka bentuk ujian pra-pasca dengan kumpulan tidak seimbang (*non-equivalent groups pre-post test design*). Saiz sampel yang digunakan adalah 240 pelajar, yang dipilih berdasarkan panduan sarjana untuk kajian kuasi eksperimen. Walaupun saiz sampel ini memadai mengikut standard tertentu, ia masih mungkin mempengaruhi ketepatan dan generalisasi hasil kajian. Tambahan pula, kajian ini dijalankan

dalam tempoh yang terhad iaitu lima minggu dari keseluruhan enam belas minggu semester, yang mungkin tidak mencukupi untuk menangkap sepenuhnya impak modul terhadap amalan keusahawanan sosial (McMillan, 2010). Kajian ini hanya melibatkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan tidak mengambil kira populasi pelajar di peringkat pendidikan lain. Pemilihan pelajar IPT sebagai subjek kajian adalah berdasarkan kepada kekurangan penglibatan mereka dalam aktiviti kemasyarakatan, namun, ini mungkin tidak mewakili pandangan atau pengalaman pelajar dari latar belakang pendidikan yang berbeza.

Oleh demikian, terdapat beberapa cadangan untuk kajian lanjutan yang boleh membantu memperdalam pemahaman tentang keberkesanan modul keusahawanan sosial. Pertama, kajian perbandingan antara institusi pendidikan lain dan kajian jangka panjang diperlukan untuk menilai kesan modul dalam pelbagai konteks. Ini dapat memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang bagaimana modul ini berfungsi dalam situasi yang berbeza (Ismail & Abdul, 2021). Kedua, adalah penting untuk mengembangkan metodologi untuk mengukur impak sosial projek dengan lebih objektif. Metodologi yang lebih canggih dapat memberikan penilaian yang lebih tepat tentang keberkesanan projek sosial dan membantu dalam merancang inisiatif masa depan yang lebih berimpak tinggi (Rahman & Azmi, 2023).

Justeru, kajian ini menunjukkan bahawa modul keusahawanan sosial di UPSI mempunyai potensi yang signifikan untuk meningkatkan amalan keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar. Penemuan kajian ini boleh digunakan sebagai asas untuk memperbaiki dan mengembangkan modul keusahawanan sosial bagi manfaat yang lebih besar kepada pelajar dan masyarakat. Dengan peningkatan kesedaran, kemahiran, dan sikap altruistik yang ditunjukkan oleh pelajar, modul ini memainkan peranan penting dalam membentuk generasi usahawan sosial yang mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara menyeluruh.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan *Fundamental* (FRGS) daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (MOHE) bagi nombor geran: FRGS/1/2020/5050/UPSI/02/22, dan dipantau oleh Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Oleh itu, penghargaan yang mendalam diberikan kepada MOHE dan RMIC atas pembiayaan dan sokongan mereka.

Rujukan

- Ab Karim, S. (2017). Amalan Keusahawanan Sosial Di Malaysia: Konsep Dan Definisi. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 1(1), 133-142.
- Ab Wahid, H., Mustaffa, W. S. W., Rahman, R. A., Ahmad, N. L., & Abdullah, M. K. L. (2018). Pemupukan tret altruisme menerusi program bercorak keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti di malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 4(11).
- Ab Wahid, H., Rahman, R. A., Ahmad, N. L., Mustaffa, W. S. W., Rhouse, S. M., & Yunus, N. K. Y. (2019). Membangunkan Sosio-Ekonomi Komuniti Menerusi Keusahawanan Sosial: Peranan dan Peluang. *International Journal of Entrepreneurship*, 2(8), 13-26.
- Abd Muin, M. A., Abu Bakar, A., & Abdullah, S. (2014). Model usahawan berjaya dalam amalan nilai- nilai murni keusahawanan sosial Islam. *Journal of Human Development and Communication (JoHDEC)*, 3, 129-141.

- Abu-Saifan S. (2012). Social entrepreneurship: definition and boundaries. *Technology Innovation Management Review*. February 2012:22-27.
- Amran, N., & Seman, N. A. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499- 1508.
- Arihasnida Ariffin, Noridah Hasnan, Normah Zakaria, Siti Nur Kamariah Rubanib & Norhasyimah Hamzah.2020. Pembangunan bahan e-pembelajaran berasaskan model Needham Lima Fasa bagi topik konkrit. *Online Journal for TVET Practitioners* 5(2): 63-70.
- Austin, J., Stevenson, H., & Wei-Skillern, J. (2006). Social and commercial entrepreneurship: same, different, or both?. *Entrepreneurship theory and practice*, 30(1), 1-22.
- Aziz, N. E. M., Harun, N., Esa, M. M., Yaacob, M. R., & Rahman, A. A. A. (2018). Pendidikan keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam melahirkan usahawan berjaya di Malaysia. *Journal of Business Innovation*, 3(1), 73.
- Babbie, E. (2010). *The Practices of social research*. (ed. ke-12). California: Wadsworth Publishing.
- Carlos Bazan, Hannah Gaultois, Arifusalam Shaikh et al. (2019). Effect of the University on the Social Entrepreneurial Intention of Students. *New England Journal of Entrepreneurship*, 23(1), 3-24, Emerald Publishing Limited, 2574-8904.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Chum, U. P., Norasmah Othman dan Jamil Ahmad, (2010). Penilaian Program Perintis Usahawan (Ppu) Di Sekolah Rendah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*.
- Consortium for Entrepreneurship Education (2008). *Entrepreneurship Everywhere: The Case for Entrepreneurship Education*. Columbia, USA.
- Dees, J. G., & Anderson, B. B. (2003). For-profit social ventures. *International Journal of Entrepreneurship Education*, 2(1), 1-26.
- Dick, W., L. Carey, J., & Carey, O. (2005). *The Systematic Design Of Instruction*. Logman
- Din, B. H., Anuar, A. R., & Usman, M. (2016). The effectiveness of the entrepreneurship education program in upgrading entrepreneurial skills among public university students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 224, 117-123.
- Emerson, J., & Twersky, F. (Eds.). (1996). *New social entrepreneurs: The success, challenge and lessons of non-profit enterprise creation*. Homeless Economic Fund, the Roberts Foundation.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in education* (Vol. 7, p. 429). New York: McGraw-hill.
- García-González, A., & Ramírez-Montoya, M. S. (2021). Social entrepreneurship education: changemaker training at the university. *Higher Education, Skills and Work-Based Learning*, 11(5), 1236-1251.
- Hariyaty Ab Wahid, Noor Lela Ahmad, Norasmah Othman & Wan Salmuni Wan Mustaffa. (2016). Kesosialan, Inovasi dan Orientasi Pasaran dalam Kalangan Pelajar Aktif Keusahawanan Sosial di Universiti Awam Malaysia, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 1(2): 1-9.
- Haron, Z. & Idris, A. A. (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. 1-7.
- Ibrahim, M., Wan Mohd Zaifurin, W. N., Hayati, N., & Sabri, A. (2016). Entrepreneurship's Intention of Secondary School Student in Kuala Terengganu

- District, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(2), 110-12
- Irin Sutha & P. Sankar. (2016). Entrepreneurial Intention and Social Entrepreneurship among University Students in Chennai City. *International Journal of Engineering Studies*, 8(1), 93-106
- Ismail, M. (2015). Agenda mendepani cabaran pembangunan abad ke 21: suatu perbincangan mengenai konsep keusahawanan sosial.
- Jaafar, J. R., Zakaria, N. H., & Kamarudin, N. H. (2022). Penerokaan Aspek Altruisme dan Latar belakang Terpilih dalam Kalangan Mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001365-e001365.
- Johari, H., Shahabuddin, S., & Ahmad, A. S. (2022). MOTIF FUNGSIONAL PENGLIBATAN SUKARELAWAN: KAJIAN META-ANALISIS. *International Journal of Social Science Research*, 4(1), 83-97.
- Judeh, M. A., & Rahim, S. E. (2006). *Penerapan Nilai-nilai Keusahawanan Melalui Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Keitsch, M., Sigurjonsson, J., Nilsen, B. F., & Spencer, E. (2013). *Sustainable Design and Social Entrepreneurship—A Common Path toward Social Innovation*. *Journal of US-China Public Administration*, 10(6), 618-629.
- Kementerian Pendidikan Tinggi (2016). Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020. (diakses pada 10 Februari 2017) <http://www.mohe.gov.my/index.php/fokus/231-pelan-tindakan-keusahawanan-ipt-2016-2020>.
- Lokman, N. H., Sabarudin, A., Khoiry, M. A., Yakob, N. A., Jantan, N. S., Halim, A. S. A., & Zainuridin, N. A. (2022). Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Akademik Keusahawanan: Kajian Empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001911-e001911.
- Malaysia Social Entrepreneurship Blueprint 2030 (SEMy2030). Retrieved from https://www.kuskop.gov.my/admin/files/med/image/portal/PDF/SEMy2030/SEMy2030_Booklet_ENG.pdf
- Marshall, R.S. (2010). Conceptualizing the international for-profit social entrepreneur. *Journal of Business Ethic*. Springer Published Online [10 Julai 2010].
- Mhd-Sarif S., Sarwar A., and Ismail Y. (2013). Practice of social entrepreneurship among the muslim entrepreneurship in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research* 14(11) 1463-1470.
- Manshor, Z., & Abdullah, S. (2021). Wakaf dan keusahawanan sosial: potensi dalam memperkasakan ekonomi Muslim. *Journal website: journal.zakatkedah.com.my*, 3(1).
- Nga, J.K.H. & Shamuganathan, G. (2010). The influence of personality traits and demographic factors on social entrepreneurship start up intentions. *Journal of Business Ethics* 95:259-282.
- Nicholls, A. & Cho, A.H. (2008). Social entrepreneurship: the structuration of a field. Dlm. Nicholls, A (pnyt). 2008. *Social Entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change*. New York: Oxford University Press.
- Nicholls, A. (Ed.). (2008). *Social entrepreneurship: New models of sustainable social change*. OUP Oxford.

- Norasmah, O., Hariyaty, A. W. & Haliza, H. (2012). Resilience and competitiveness among Students in the Free Enterprise (SIFE) program. *International Business Management*, 6(6):652-659.
- Pantea, M. 2015. On entrepreneurial education: dilemmas and tensions in nonformal learning. *Studies in Continuing Education* 38(1): 86-100.
- Perrini, F. & Vurro, C. (2010). Developing an Interactive Model of Social Entrepreneurship. *Dlm. Hockerts, K., Mair, J. & Jeffrey Robinson (pnyt). Values and Opportunities in Social Entrepreneurship*, hlm. 165-180. New York: Palgrave MacMillan.
- Pfattheicher, S., Nielsen, Y. A., & Thielmann, I. (2022). Prosocial behavior and altruism: A review of concepts and definitions. *Current opinion in psychology*, 44, 124-129
- Pittaway, L., & Cope, J. (2007). Entrepreneurship education: A systematic review of the evidence. *International Small Business Journal*, 25(5), 479-510.
- Radin Siti Aishah Radin A Rahman, Norasmah Othman, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Hariyaty Ab. Wahid. (2016). Entrepreneurial Intention and Social Entrepreneurship among Students in Malaysian Higher Education. *World Academy of Science, Engineering and Technology. International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering* 10(1): 175-181.
- Rahman, A. A. A. (2015). Perspektif keusahawanan sosial: satu input kepada pendidikan keusahawanan sosial islam.
- Razali, S. N. M., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Tahap Pemikiran Reka Bentuk dan Keusahawanan Sosial dalam kalangan Pelajar Universiti Awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 85-98.
- Ridvan Cinar. (2019). *Delving into Social Entrepreneurship in Universities: Is it Legitimate Yet? Regional Studies*.
- Sabarudin, A., Lokman, N. H., Jantan, N. S., Zainuridin, N. A., Abd Halim, A., & Khoiry, M. A. (2022). Tinjauan Keberkesanan Program Keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap Kebolehpasaran Graduan Menurut Perspektif Alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001272-e001272.
- Sarif, S. M., Sarwar, A., & Ismail, Y. (2013). Practice of social entrepreneurship among the Muslim entrepreneurs in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 14(11), 1463-1470.
- Sivathanu, B., & Bhise, P. V. (2013). Challenges for social entrepreneurship. *International Journal of Application or Innovation in Engineering & Management (IIAEM)*, 9-10.
- Sommerrock, K. (2010). *Social Entrepreneurship Business Models: Incentive Strategies to Catalyze Public Goods Provision*. UK: Palgrave Macmillan.
- Suraiya Ishak & Ahmad Rafflis Che Omar. (2015). Keusahawanan sosial sebagai satu pendekatan inovatif ke arah transformasi sosial masyarakat: Kajian kes di Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11 (8): 38 – 51.
- Syh Noorul Madiah, S. H., Siti Fatimah, S., Muda, T., & Muliana, T. F. (2014). Komunikasi Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa Cacat Penglihatan Di Taman Rahmat, Terengganu: Analisis Menurut Perspektif Islam. *JURNAL HADHARI*, 6(1), 55-72.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2007). Using multivariate statistics (ed. ke-5). Allyn & Bacon/Pearson Education. Tabachnick, B.G., & Fidell, L.S. (2014). Using Multivariate Statistics (Edisi ke-7). Boston: MA Pearson.
- Tracey P. and Phillips N. (2007). The distinctive challenge of educating social entrepreneurs: postscript and rejoinder to the special issue on entrepreneurship education. *Academy of Management Learning & Education* 6(2) 264-271.

- Wahid, S. D. M., Ayob, A. H., Hussain, W. W., & Ismail, S. (2018). Retracted: Social entrepreneurship intention: from literature review to Conceptual framework. *Journal of Fundamental and Applied Sciences*, 10(6S), 1242-1260.
- Zahra, F. (2017). Student awareness towards social entrepreneurship: A qualitative study. *Technology*, 8(6), 457-464.
- Zainalabidin Mohamed, Golnaz Rezai, Mad Nasir Shamsudin & Muhammad Mu'az Mahmud. (2012). *Enhancing young graduates' intention towards entrepreneurship development in Malaysia*. *Education + Training* 54(7): 605-618.
- Zaihana, M., & Shuhairimi A. (2020). Social Entrepreneurship and Waqf: Potential in Strengthening the Economy of Muslims. *International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development*, 9 (4), 250-255.